

14/10/2003

Negara anggota perlu hormati prinsip penubuhan: Dr M

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan negara anggota Asean supaya sentiasa bersatu dalam mengekalkan prinsip asal penubuhannya bagi memastikan organisasi itu kekal dihormati masyarakat antarabangsa.

Perdana Menteri berkata walaupun Asean kini menuju ke hadapan, negara anggotanya tidak seharusnya melupakan dan mengikis prinsip yang selama ini dipegang bersama.

Katanya, prinsip asas seperti tiada campur tangan asing, kesepakatan dalam membuat keputusan, saling menghormati serta ketahanan serantau perlu sentiasa dikekalkan.

"Saya berpeluang menghadiri banyak persidangan kemuncak Asean. Sepanjang beberapa tahun, saya melihat banyak perubahan dalam Asean, walaupun pada awal penubuhannya dilihat sebagai sebuah pertubuhan yang tidak relevan, tetapi kita telah buktikan bahawa penubuhannya adalah relevan.

"Kesungguhan negara Asia Tenggara dan Asia Selatan dapat dilihat menerusi minat ditunjukkan untuk mengadakan dialog bersama kita. Malah banyak negara bukan anggota di rantau ini menunjukkan minat untuk menjadi anggota Asean," katanya dalam perutusan di buku cendera mata sempena Persidangan Menteri-menteri Kebudayaan dan Pelancongan Asean dan Asean+3 selama dua hari, bermula semalam.

Sementara itu, dalam buku cendera mata yang sama, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata sudah tiba masanya Asean bergerak pantas bagi mengadakan kerjasama yang lebih efektif untuk pembangunan masa depan dalam bidang kebudayaan dan kesenian.

Katanya, cabaran hanya dapat diatasi menerusi persefahaman, perkongsian bijak serta kerjasama antara negara anggota Asean.

"Mesyuarat Asean dan Asean+3 akan menjadi landasan bagi mengenal pasti masa depan rantau ini sebagai salah satu destinasi pelancongan popular di dunia," katanya.